



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH
2021**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
BAHASA MELAYU
Kertas 2
November 2021**

1103/2

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

NAMA PEMERIKSA	:	
NAMA SEKOLAH	:	
TANDA TANGAN PENERIMAAN PERATURAN PERMARKAHAN	:	
TARIKH	:	
COP SEKOLAH	:	

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak.

BAHAGIAN A
SISTEM DAN APLIKASI BAHASA
[35 markah]

Soalan 1: Morfologi

Kata Terbitan – Pilih empat kata kerja terbitan dan bina empat ayat daripada kata kerja terbitan yang dipilih[8 markah]

Cadangan jawapan:

1. membabitkan – *melibatkan*
2. menunjukkan – *menerangkan / menjelaskan*
3. merekodkan – *mencatatkan*
4. berdasarkan – *berasaskan / bersandarkan / berlandaskan*
5. berbanding – *dibandingkan*
6. berubah – *bertukar / berbeza*
7. melanggar – *menyalahi / melawan*
8. menyaksikan – *melihat / memerhatikan*
9. dicatatkan – *dituliskan / dirakamkan*

Soalan 2: Sintaksis [6 markah]

Subjek : JAS

Predikat : melaksanakan program dan aktiviti kesedaran serta pendidikan alam sekitar dan penyebaran maklumat untuk pelbagai peringkat masyarakat sebagai usaha berterusan.

Subjek : Perkongsian pintar ini

Predikat : merupakan satu langkah proaktif untuk menangani masalah alam sekitar mulai tahun 2013

Subjek : . JAS

Predikat : telah mengadakan pelbagai program berkaitan dengan alam sekitar yang meliputi pelbagai kumpulan sasaran.

Soalan 3: Penyuntingan [11 markah]

1. saintifiknya - saintifiknya
2. sapaan - panggilan
3. di kalangan – dalam kalangan
4. dikenal - terkenal
5. bentuk - corak
6. mengerunkan - menggerunkan
7. pelusuk - pelosok
8. selain daripada - selain
9. penubuhan – pertubuhan
10. berlambangkan - melambangkan

- 11 Daripada - Dari
12 eko-sistem - ekosistem

Soalan 4: Bahasa Melayu Standard | 6 markah|

Panduan :

Kriteria	Markah
- Isi betul - Ikut urutan - Bahasa gramatis	5-6
- Isi betul - Ikut urutan - Bahasa masih gramatis	3-4
- Isi betul - Ikut urutan - Bahasa tidak gramatis	1-2
- Isi tidak betul - Tidak ikut urutan - Bahasa tidak gramatis	0

Cadangan jawapan :

Maka oleh Kertala Sari segala hulubalang yang menghadap sama-sama itu dilihatnya seorang kepada seorang.	<i>Lalu Kertala Sari melihat semua hulubalang yang datang menemui sultan seorang demi seorang.</i>
Maka Kertala Sari pun pandang pada Laksamana; maka ia fikir dalam hatinya, "Dialah gerangan hulubalang Melaka yang bernama Laksamana itu.	<i>Lalu Kertala Sari memandang Laksamana; lalu dia berfikir dalam hatinya, "Dialah rupanya hulubalang Melaka yang bernama Laksamana itu.</i>
Jikalau demikian lakunya, sungguhlah ia dapat membunuh bapaku, kerana ia penjurit besar lagi kepetangan."	<i>Jika begini perbuatannya, benarlah dia dapat membunuh bapa saya, kerana dia pahlawan hebat dan bijak."</i>

Soalan 5: Peribahasa [4 markah]

1. sehari selembat benang, lama-kelamaan menjadi kain – *sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit*
2. di mana ada kemahuan, di situ ada jalan – *hendak seribu daya tak hendak seribu dalih kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya*
3. di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung – *masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak*

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

Soalan 6 : Petikan Umum [12 markah](i) **Maksud karya unik :**

- hasil kerja*
- ciptaan / buatan / istimewa / luar biasa – 2m
 - ciptaan unik – 1m
 - karya istimewa – 1m
 - tradisi istimewa – 0m

[2 markah]

(ii) **Ciri-ciri :****Bahan 1 :**

- P1 – penggunaan keris yang menjadi lambang jati diri Melayu dan satu-satunya senjata khusus orang Melayu
- P2 – menerapkan ilmu spiritual atau keagamaan untuk memperkukuh aspek rohani pengamalnya
- P3 – menekankan adab dan budaya Melayu yang menjadi teras kepada peradaban dan jati diri Melayu

Bahan 2 :

- P1 – Penggunaan inai dalam tarian sebagai simbolik untuk meraikan anak gadis dalam majlis perkahwinan dan dalam majlis berkhatan
- P2 – menggabungkan gerak seni silat, makyung dan sendo, dengan gerakan perlahan dan terkawal

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi yang diambil daripada setiap bahan]

(iii) **Kepentingan :**

P1 – dapat diwarisi oleh generasi akan datang

P2 – dapat dijadikan bahan kajian dalam bidang ilmu

P3 – dapat dijadikan produk pelancongan / tarikan pelancong

P4 – rakyat Malaysia mempunyai identiti bangsa / keunikan rakyat Malaysia

P5 – dapat mempelajari / mengetahui budaya pelbagai kaum

(terima mana-mana jawapan yang relevan)

[Maksimum : ³4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(iv) **Tindakan-tindakan :**

P1 – Menegur pelajar-pelajar tersebut supaya menghormati majlis

P2 – Menulis peraturan dalam buku atur cara majlis atau program

P3 – Meminta juruacara membuat pengumuman tentang peraturan atau adab dalam majlis

P4 – Membawa pelajar terlibat berjumpa dengan guru disiplin / kaunselor

(terima mana-mana jawapan yang relevan)

[Maksimum : ⁴3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

Soalan 6 : Petikan Sastera [13 markah](i) **Maksud *ditimpa musibah* :**

- dilanda / dikenai bencana / malapetaka – 2m
- dilanda musibah – 1m
- ditimpa bencana – 1m
- dihempap bencana – 0m

[2 markah]

(ii) **Cabaran dan dugaan :****Bahan 1 :**

P1 - tinggal di pondok kecil dan terpencil

P2 - kehilangan cucu

P3 - usia yang tua

P4 - hidup dalam kemiskinan

Bahan 2 :

P1 - kehadiran anak-anak yang tidak menggembirakan hati

P2 - anak-anak yang memikirkan kerja, wang, kerugian, suami atau isteri

P3 - anak-anak yang tiada belas kasihan

Bahan 3 :

P1 - anak dagang yang kesedihan

P2 - anak dagang yang nasibnya tidak menentu

P3 - anak dagang yang tidak dapat pulang ke kampung / berada jauh daripada keluarga

P4 - anak dagang yang mengenang nasib di negeri orang

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi yang diambil daripada setiap bahan]

(iii) **Halangan-halangan :** *berfikir, sabar*

P1 - sikap berputus asa / cepat mengalah

P2 - tidak belajar daripada pengalaman lalu

P3 - tidak mempunyai ilmu dan kemahiran

P4 - tidak mempunyai prinsip / matlamat hidup

(terima mana-mana jawapan yang relevan)

[~~6~~³/markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(i) **Usaha-usaha :**

P1 - mengadakan mesyuarat untuk pengagihan tugas

P2 - mengadakan kutipan derma

P3 - mengadakan jualan amal

P4 - menularkan program tersebut dalam media social

P5 - meminta bantuan / pendapat daripada ahli keluarga / ibu bapa tentang perkara yang perlu dilakukan

(terima mana-mana jawapan yang relevan)

[~~4~~³/markah]

[Isi cukup : ~~3~~² isi]

Soalan 8 - Novel [10 markah]

(i) **Reaksi penonton :**

P1 - tepukan yang gemuruh

P2 - linangan air mata daripada beberapa orang tua yang menyaksikan Haiqal menari

P3 - Lazim sentiasa bersorak memberikan kata-kata perangsang

P4 - YB Datuk Saiful Azizi begitu terpesona melihat kelembutan gerak tari See Hwa dan Haiqal

P5 - tiga susuk manusia yang cukup dikenalnya di bahagian belakang balai tempat duduk penonton yang tersenyum

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

(ii) Dua peristiwa yang dapat dijadikan panduan hidup.

Novel Jendela Menghadap Jalan

1. **P** - Peristiwa Haji Abdul Rahman yang sentiasa menjaga solat fardunya serta sering menunaikan solat fardu secara berjemaah sama ada di rumah atau di surau kampung.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya patuh akan ajaran agama serta tidak melengah-lengahkan solat.

2. **P** - Peristiwa Danel yang tidak bertindak balas terhadap aksi agresif Rafiq yang menahan Lili dengan sebilah pisau tajam diacukan ke leher Lili.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya kita hendaklah bertindak bijak dalam menangani detik-detik cemas dengan berfikir secara rasional sebelum tindakan diambil.

Novel Songket Berbenang Emas

1. **P** - Peristiwa Dahlia tiba di Hospital Batu Pahat untuk melawat emaknya yang menerima rawatan di situ. Namun, Haji Sulaiman memaklumkan kepadanya bahawa emaknya telah dipindahkan ke Hospital Permai di Johor Bahru, Johor.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya sentiasa menyayangi ibu bapa dengan sentiasa menjenguk dan tidak mengabaikan mereka.

2. **P** - Peristiwa kejayaan Dahlia apabila dia terpilih untuk mengikuti Kursus Pengurusan Perniagaan peringkat ijazah pertama selama empat tahun di Jepun. Sebelum itu, Dahlia diwajibkan mengikuti kursus bahasa Jepun selama enam bulan di Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya berusaha dengan gigih menuntut ilmu dan mencapai matlamat hidup dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tertinggi.

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa

1. **P** - Peristiwa Kompeni C askar Melayu berani menentang tentera Jepun sehingga ke titisan darah terakhir walaupun dengan bilangan anggota yang kecil dan kehabisan peluru. Kompeni C melawan habis-habisan dan menyebabkan ramai askar Jepun mati.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya sentiasa gigih berusaha mencapai kejayaan walau apa-apa jua rintangan melanda.

2. **P** - Peristiwa Adnan yang akan ke kebun getah pada sebelah pagi selepas solat untuk membantu ayahnya menoreh getah. Setelah solat zuhur, dia akan turun ke sawah pula untuk membantu ayahnya mengerjakan padi.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya sentiasa membantu ahli keluarga terutamanya ibu bapa agar pekerjaan yang dilakukan oleh mereka menjadi lebih ringan.

Novel Tirani

1. **P** - Peristiwa Waheeda sebagai pengusaha Chalet Tajau Emas yang telah berusaha sedaya upaya untuk mengembangkan perniagaan di bawah sektor pelancongan itu.

Waheeda turut menyediakan pakej pelancongan yang berbentuk ekopelancongan dan agropelancongan kepada pengusaha walaupun menerima saingan sengit daripada

pengusaha hotel dan chalet yang lain.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya sentiasa merancang strategi dan berusaha memajukan perniagaan walaupun pelbagai cabaran dihadapi.

2. **P** - Peristiwa Zahid memohon maaf kepada Waheeda dan Izzati kerana menceraikan Waheeda tanpa siasat periksa dan meragui status Izzati sebagai anak kandungnya walaupun bekas isterinya. Waheeda mempunyai bukti yang kukuh tentang status anak perempuan tunggal mereka.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya mengakui kesilapan dan kesalahan sendiri serta memohon maaf atas kesilapan yang dilakukan.

Novel Di Sebalik Dinara

1. **P** - Peristiwa Rosman dan Farisha yang bekerjasama untuk membangunkan syarikat kongsi mereka iaitu Secured Shell. Mereka juga bersetuju menjalankan kerja-kerja untuk menggodam Sistem Dinara dengan menerima tawaran daripada Soft Lab sebanyak RM 1.5 juta.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya bekerjasama dalam menjalankan sesuatu organisasi agar bertambah cekap dan kukuh.

2. **P** - Peristiwa Dr Maxi dan Aqram yang berusaha mencari Farisha dan membawanya ke Dinara sepertimana yang diarahkan oleh Karl. Mereka tetap patuh menjalankan tugas dan tanggungjawab mengesan Farisha dan memastikan Farisha melaksanakan tugasnya di Dinara.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya berkhidmat dengan cemerlang dalam organisasi sehingga matlamat yang disasarkan dapat dicapai.

Novel Silir Daksina

1. **P** - Peristiwa Ratna yang sentiasa mendengar permasalahan dan pertanyaan Haiqal. Ratna tidak pernah menolak kehadiran sahabatnya, Haiqal ke warung milik keluarganya di Pantai Batu Buruk dan sedia menasihati Haiqal sebagai seorang rakan baik.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya menghargai persahabatan dan membantu sahabat dengan apa-apa cara yang difikirkan sesuai.

2. **P** - Peristiwa Tauke Ong menoreh pokok getah pada sebelah pagi bersama-sama isterinya dan meraih hasil kampung seperti biji kopi, pisang, getah beku dan sekerap untuk dijual di pekan pada sebelah petang. Hasil kegigihannya, dia dapat membeli setengah ekar tanah kebun untuk dijadikan tapak rumahnya.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya berusaha gigih mengubah nasib diri dan keluarga serta merebut peluang yang terhidang di depan mata demi kehidupan yang lebih baik.

Novel Pantai Kasih

1. **P** - Peristiwa Doktor Raiha mempertikaikan tindakan Doktor Uwang yang telah menjalankan pembedahan penggantian sendi pinggul sebanyak lima kali terhadap pesakit Unong Siron.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya kita perlu bersikap berani dalam mempertahankan pendapat walaupun dengan pihak atasan.

2. **P** - Peristiwa Doktor Raiha bijak menangani pemuda kurang siaman yang telah menyamar sebagai seorang doktor dan menahan Felicia Landosi di bilik bedah dengan membenarkan ibu Unong Siron memujuk pemuda itu.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya bijak dan tenang dalam menangani sesuatu situasi yang cemas.

Novel Bimasakti Menari

1. **P** - Peristiwa Budiman menemani adiknya Nurul Hafsa untuk berjumpa dengan Muhammad Taufik demi menjaga hubungan adiknya dengan lelaki bukan mahram. Walaupun pertemuan tersebut atas urusan kerja, Budiman tetap menemani adiknya.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya bertanggungjawab menjaga maruah diri dan keselamatan ahli keluarga daripada orang lain.

2. **P** - Peristiwa Nurul Hafsa dan Muhammad Taufik berani membuat pembentangan tentang projek Kawasan Simpan Langit Gelap demi kelestarian alam sekitar dan populasi kelip-kelip Kuala Selangor. Pembentangan dijalankan di hadapan Menteri Besar, ahli akademik, ahli perniagaan dan orang awam.

H - Peristiwa ini menjadi panduan hidup supaya berani dalam menegakkan perkaraperkara yang benar.

(terima mana-mana jawapan yang relevan)

Soalan 9 - Rumusan [30 markah]

Pendahuluan [2 markah]

		Markah
P1	Petikan ini tentang matlamat penubuhan SSM dan kelebihan murid SSM	2
P2	Rumusan ini tentang matlamat penubuhan SSM dan kelebihan murid SSM	2
P3	Petikan ini tentang kelebihan murid SSM dan matlamat penubuhan SSM	2
P3	Petikan ini tentang matlamat penubuhan SSM.	1
P4	Petikan ini tentang kesan-kesan penubuhan SSM dan cabaran murid SSM	0

Isi [16 markah]

Isi Bahan 1 : Petikan

Fokus 1 : (matlamat / objektif / tujuan)

		Markah
F1-1	Meningkatkan kemahiran atlet murid dalam bidang sukan dan akademik.	2
F1-2	Menjadi pusat penyebaran pengetahuan dan kemahiran yang dapat memenuhi syarat kemasukan ke institusi pengajian tinggi	2
F1-3	Menjadi pusat kecemerlangan sukan yang berjalan secara sistematik	2

Isi Bahan 1 : Petikan**Fokus 2 (kelebihan / keistimewaan / faedah / manfaat)**

		Markah
F2-1	Berpeluang untuk menjalani latihan dan menyertai pertandingan bertaraf antarabangsa.	2
F2-2	Berpeluang melanjutkan pelajaran dan menjalani latihan sukan di institusi pengajian tinggi	2
F2-3	Layak mendapat laluan khas untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi	2
F2-4	Kebajikan dari aspek kewangan, pembelajaran, perubatan dan pemakanan	2
F2-5	Kemudahan sukan yang lengkap, kondusif dan mengikuti piawai untuk kegunaan latihan serta pertandingan.	2

Isi Bahan 2 : Bahan Grafik**Fokus 1 : (matlamat / objektif / tujuan)**

		Markah
F1-1	Meningkatkan tahap pengetahuan dan pengalaman atlet murid dalam bidang sukan	2
F1-2	Menjadi pusat kecemerlangan sukan ke arah pencapaian atlet bertaraf antarabangsa	2
F1-3	Memupuk dan menggalakkan nilai-nilai kepimpinan dan semangat kesukanan	2

[Isi cukup : 8 isi dan mesti diambil daripada semua fokus dan semua bahan]

Kesimpulan [2 markah]

		Markah
K1	Kesimpulannya, semua pihak perlu menyokong usaha penubuhan SSM agar mutu sukan negara dapat ditingkatkan.	2
K2	Kesimpulannya, semua pihak perlu menyokong usaha penubuhan SSM.	1
K3	Kesimpulannya, semua pihak perlu meningkatkan mutu sukan negara.	0

[Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai]

PENGIRAAN ISI :

Bilangan isi BAHAN 1	BILANGAN ISI CALON	BILANGAN ISI DITERIMA
<i>Fokus 1 (matlamat / objektif / tujuan – 3 isi)</i>	2	3/2/1
<i>Fokus 2 (kelebihan / keistimewaan / faedah / manfaat – 5 isi)</i>	5	3/4/5

BAHAN 2		
<i>Fokus 1 (matlamat / objektif / tujuan – 3 isi)</i>	1	1/2
JUMLAH		8

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT